

26 MAY 2003

TSR-KONTRAK/I

TSR CAPITAL AKAN KENDALI KONTRAK BERNILAI RM455 JUTA PADA 2003

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- TSR Capital Bhd, syarikat berasaskan pembinaan, menjangka dapat mengendalikan kira-kira RM455 juta nilai kontrak pada 2003, kata pengerusinya senator Datuk Yaakob Haji Mohammad di sini hari ini.

Ini termasuk kontrak bernilai RM10.5 juta untuk mendirikan kilang konkrit pratuang bagi Proton City di Tanjung Malim, yang bermula pada 19 Mei, 2003, kontrak RM200 juta untuk mereka bentuk dan membina kompleks penjara di Pulau Pinang serta kontrak pembangunan Kajang bernilai RM35 juta, kedua-duanya dijangka bermula bulan depan, katanya selepas mesyuarat agung tahunan syarikat di sini hari ini.

Syarikat itu juga terlibat dalam kontrak bernilai RM160 juta untuk mereka bentuk dan membina fasa satu kampus cawangan Universiti Utara Malaysia (UUM) di Langkawi, yang bermula suku pertama 2003.

Beliau berkata TSR memperoleh kontrak bernilai kira-kira RM606 juta nilai kontrak pembinaan sehingga pada 31 Dis, 2002 dengan 60 peratus siap.

Antara projek itu ialah kampus politeknik bernilai RM172 juta di Sabah yang dijangka siap pada 31 Julai, 2003 dan penjara Kluang bernilai RM223 juta yang 48 peratus siap.

Beliau berkata kumpulan telah mengadakan usaha sama dalam pembangunan hartanah dan menandatangani perjanjian dengan kerajaan negeri serta entiti swasta bagi memajukan 220 ekar (88 hektar) tanah di Kedah dan Selangor.

Pembangunannya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bergantung kepada persekitaran pasaran, katanya.

Semasa ditanya mengenai pakej baru ekonomi yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas, beliau berkata langkah berkenaan akan mengurangkan kesan buruk daripada ekonomi global yang tidak menentu.

TSR mencatatkan pertumbuhan 82 peratus dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM34.44 juta bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Dis, 2002 manakala perolehan naik 117 peratus kepada RM234 juta. -- BERNAMA

WNA FR NHD